

**PERMOHONAN UNTUK MEMPERBAHARUI LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN DI BAWAH PERATURAN 4, PERATURAN-PERATURAN PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN & PELESENAN) (PINDAAN) 2002**

<i>Bil.</i>	<i>Dokumen yang diperlukan</i>	<i>Keterangan</i>
<b>1.0</b>	<b>BORANG PERMOHONAN</b>	
	Borang Jadual C (Borang Permohonan Pembaharuan Lesen Pemaju Perumahan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Surat iringan (covering letter) mesti disertakan.</i></li> <li>• <i>Borang permohonan hendaklah dipastikan ditandatangani dengan sempurna; dan dicatatkan nama, no. k/p, bertarikh, dan jawatan penandatanganan, serta dicop/meteri am syarikat.</i></li> <li>• <i>Lesen pemaju hendaklah terlebih dahulu bebas daripada sebarang syarat yang dikenakan oleh Kementerian ini. Sekiranya ada syarat bagi kelulusan lesen yang asal dan masih belum dipenuhi, pemaju hendaklah mengemukakan penjelasan kenapa syarat-syarat berkenaan masih belum dipenuhi dan kemukakan juga segala dokumen sokongan yang berkaitan daripada Jabatan/Agensi Kerajaan yang terlibat.</i></li> <li>• <i>Jaminan bank (sekiranya ada) hendaklah diperbaharui terlebih dahulu jika tempoh hampir/telah tamat</i></li> </ul>
<b>2.0</b>	<b>DOKUMEN SOKONGAN</b>	
2.1	Salinan lesen pemaju perumahan yang masih sah	
2.2	Borang 13 (perubahan nama syarikat) dan Borang 44 (perubahan alamat syarikat) Akta Syarikat 1965	
2.3	Borang 24 Akta Syarikat 1965 dan <i>Form Of Annual Return</i> terbaru ( <i>menjelaskan kedudukan modal berbayar syarikat</i> )	
2.4	Akaun beraudit syarikat yang terbaru, yang mengandungi laporan pengesahan juruaudit bahawa Akaun Pemaju Perumahan telah diselenggara dengan baik.	

2.5	Laporan pengesahan juruaudit bahawa Akaun Pemaju Perumahan telah diselenggara dengan baik sepertimana kehendak Seksyen 7A Akta yang sama	
2.6	Salinan surat kepada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) yang telah <i>diaku-terima</i> atau salinan resit bayaran kepada PNMB bagi membuktikan bahawa pewartaan kunci kira-kira beraudit syarikat telah dilakukan	
2.7	Salinan surat kepada KPKT bagi memohon kelulusan perlantikan juruaudit beserta Borang 4 Akta Syarikat 1965 (pembaharuan kelulusan Juruaudit Bertauliah daripada Perbendaharaan Malaysia)	
2.8	Laporan kemajuan projek dalam Borang 7(f) <i>atau</i> salinan surat yang telah dihantar kepada Bahagian Pengawasan dan Penguatkuasa KPKT bagi penyerahan laporan berkala Borang 7(f) yang telah <i>diaku-terima</i>	